

PM gesa semua pihak main peranan bendung inflasi

UP 20 MAY 1994

Pengguna jadi penentu

Oleh G. MANIMARAN

KUALA LUMPUR 19 Mei — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini melancarkan Kempen Anti Inflasi sambil menggesa semua pihak supaya memainkan peranan membendung inflasi dan memastikan kestabilan mata wang negara bagi mengelakkan kehancuran ekonomi.

Perdana Menteri mengingatkan, keadaan huru-hara dan tidak menentu dalam soal inflasi dan nilai mata wang akan membawa kehancuran ekonomi dan semua pihak sama ada rakyat, peniaga, bank dan kerajaan akan menderita.

Dr. Mahathir berkata, pengguna-pengguna yang berpengetahuan boleh menjadi suatu kuasa yang dapat mempengaruhi pasaran dan mengawal inflasi.

“Masalah pengguna dan inflasi tidak dapat diselesaikan dengan satu cara semata-mata

atau oleh satu pihak sahaja.

“Semua pihak mestilah faham tentang mekanisme dan kesan masalah pengguna dan inflasi untuk memainkan peranan masing-masing,” kata beliau ketika berucap melancarkan sambutan Hari Pengguna Sedunia dan Kempen Anti Inflasi di Pusat Islam di sini, pagi ini.

Beliau berkata, secara kolektif golongan pengguna boleh menghapuskan berbagai-bagai bentuk amalan perdagangan yang tidak sihat dengan lebih berkesan lagi.

Kata beliau lagi, pencapaian matlamat Wawasan 2020 banyak bergantung kepada pengetahuan, sikap tanggungjawab dan peranan pengguna iaitu seluruh rakyat.

“Sesungguhnya kerajaan telah mengambil berbagai-bagai langkah untuk mengurangkan tekanan inflasi bagi menentukan kesejahteraan pengguna.

■ Lihat muka 2

Pengguna jadi penentu

"Bagaimanapun, kejayaan dasar kerajaan adalah bergantung kepada kerjasama semua pihak," katanya.

Dr. Mahathir yakin, sekiranya sambutan yang baik diberikan oleh setiap pihak, Malaysia akan muncul sebagai sebuah negara contoh yang mampu berkembang pesat secara berterusan dalam suasana harga yang stabil demi kesejahteraan rakyat.

Sehubungan dengan itu, beliau memberi jaminan, kerajaan akan terus memerangi inflasi memandangkan kadar inflasi yang tinggi hanya akan menjejaskan taraf hidup rakyat terutama mereka yang berpendapatan rendah dan tidak menentu atau pun golongan yang berpendapatan tetap seperti pesara.

"Golongan-golongan inilah yang paling mudah merasai kesukaran apabila masalah kepenggunaan dan inflasi melanda negara," katanya.

Di samping itu, Perdana Menteri yang turut menekankan peranan persatuan-persatuan pengguna memberitahu, pertumbuhan-pertumbuhan itu adalah penting bukan semata-mata sebagai aktivis tetapi sebagai penyebarkan pengetahuan berkenaan dengan masalah pengguna dan inflasi.

"Sebaliknya kesatuan (persatuan) pengguna

sendiri tidak harus menyebabkan kos meningkat kerana perjuangan-perjuangan yang tidak khusus untuk kepentingan pengguna, bahkan kadang-kadang bercanggah dengan kepentingan mereka," katanya.

Dr. Mahathir memberitahu, masa sudah tiba bagi pengguna-pengguna di negara ini benar-benar memahami peranan yang harus dimainkan oleh mereka.

Tambah beliau, sekiranya mereka betul-betul mengutamakan masalah para pengguna, golongan tersebut akan mendapat manfaat.

"Jika persatuan pengguna membenarkan diri mereka diperalatkan oleh ahli-ahli politik dan badan-badan luar yang bersaing dengan kita, hasilnya ialah kerugian bagi pengguna dan bagi negara," katanya.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Inflasi berkata, pengguna mempunyai kuasa yang amat besar kerana dengan bertindak membeli atau tidak, mereka boleh menentukan sama ada sesuatu perniagaan itu menguntungkan atau merugikan.

"Apabila pengguna disusun rapi dalam persatuan maka kuasanya akan meningkat sehingga tidak terkawal.

"Dengan itu kerap muncul keinginan untuk menggunakan kuasa ini untuk maksud

maksud lain. Pengguna mesti berhati-hati, senjata pengguna adalah tajam," kata beliau,

Kata beliau, sekiranya ia digunakan dengan bijak dan berhati-hati, bukan sahaja pengguna akan mendapat nikmat tetapi negara akan pesat maju.

Beliau memberitahu, pendapatan pekerja sebanyak RM60 sebulan pada tahun 1945 tidak jauh berbeza daripada ratusan ringgit sekarang dari segi daya beli.

Menurutnya, ia adalah disebabkan oleh inflasi yang mengurangkan kesan kenaikan pendapatan.

"Jika inflasi dapat dikawal maka kenaikan pendapatan akan lebih bermakna dalam kenaikan taraf hidup," katanya.

Kerajaan telah mengambil berbagai-bagai langkah untuk menentukan pertumbuhan pesat negara berjalan dalam suasana harga barangan dan perkhidmatan yang rendah dan stabil kerana kestabilan harga merupakan tunggak dalam usaha ke arah pembangunan yang berterusan.

"Keazaman tersebut telah mendorong kerajaan mengambil tindakan dengan segera setiap kali mula ternampak adanya tanda-tanda tekanan harga," ujarnya.